



Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : Bil. (4) dlm. BPFK/30/01/1 Bhn 2
Tarikh : 20 MAR 2013

Semua Syarikat Pemborong Keluaran Berdaftar

Tuan/Puan

PENYELARASAN DAN MENGUBAH TEMPOH SAH LESEN PEMBORONG KELUARAN BERDAFTAR KEPADA 'TAHUN KALENDER'

Perkara di atas adalah dirujuk.

- Di bawah peraturan (12) sub peraturan (4), Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, menyatakan bahawa tempoh sah lesen ialah satu "tahun". Buat masa ini, praktis yang sedang diamalkan bagi tempoh sah Lesen Pemborong keluaran berdaftar yang dikeluarkan dengan 'Tarikh Mula Sah Lesen' ialah **1 Julai** dan 'Tarikh Tamat Sah Lesen' ialah **30 Jun** tahun berikutnya.
- Sehubungan itu, tempoh sah Lesen Pemborong akan diselaraskan agar sama dengan Lesen Pengilang dan Lesen Mengimport mengikut satu "tahun kalender", iaitu tempoh sah lesen bermula pada **1hb Januari** dan tamat pada **31hb Disember** tahun yang sama.
- Selaras dengan penyelarasan ini, tempoh sah lesen bagi permohonan Lesen Pemborong yang diluluskan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Jenis Permohonan	Tempoh Sah Lesen
a) Permohonan Baru	Sah sehingga 31 Disember 2013
b) Permohonan Pembaharuan 2013/2014	1 Julai 2013 – 31 Disember 2014

- Sebarang pertanyaan lanjut berhubung penyelarasan ini, sila hubungi Pusat Komplians dan Pelesenan, BPFK di talian 03-78835565.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(TAN ANN LING)

Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- s.k.
1. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
 2. Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
 3. Pengarah Penguatkuasaan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
 4. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
 5. Timbalan Pengarah Pusat Pendaftaran Produk
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 6. Timbalan Pengarah Kawalan Kualiti
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 7. Timbalan Pengarah Pusat Komplians dan Pelesenan
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
 8. Timbalan Pengarah Pusat Pasca Pendaftaran Produk
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan